

# 'Barang2 tiruan ancaman ekonomi'

KUALA LUMPUR, Jumaat

BH 30 APR 1983

**TINDAKAN** tegas perlu diambil untuk menyekat kegiatan haram seperti menjual barang-barang tiruan di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri menegaskan, jika perkara ini dibiarkan berleluasa, para pengguna dan pembeli tidak lagi menaruh kepercayaan dan tidak mahu membeli barang-barang asli.

Walaupun kegiatan haram yang boleh menyebabkan ramai pengguna tertipu dilakukan oleh golongan yang kecil, tetapi kesannya amat buruk kepada masyarakat. "Sekali pengguna hilang kepercayaan, semua perniagaan akan menjadi malap," tegasnya.

Bellau berkata, keadaan ini mungkin belum berleluasa di negara ini tetapi ia memerlukan tindakan tegas dan Kerajaan tanpa usaha dan tindakan tegas pihak swasta dan pengguna mungkin tidak dapat mengatasinya dengan berkesan.

Bagi kebaikan dan masa depan sektor swasta dan rakyat, adalah lebih baik keadaan ini diatasi dengan tegas dan segera," kata bellau di majlis penyampaian derma kepada 16 badan kebajikan dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia di sini.

## Rakan perkongsian

Di majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir selaku Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia menerima derma sebanyak \$150,000 dari Syarikat Kewangan Sim Lim Malaysia Berhad yang disampaikan oleh Pengerusinya, Encik Soon Peng Yam.

Bellau berkata, bagi sesebuah perniagaan, kesan utama yang diharapkan ialah sokongan masyarakat

pengguna dan pembeli. "Tetapi kesan yang lebih luas ialah tanggungjawab sosial sesebuah badan perniagaan terhadap masyarakat dan negara," tambahnya.

Mengenai konsep Persyarikatan Malaysia, Perdana Menteri mengurug sbilangan rakyat negara ini yang masih tidak memahami konsep itu.

"Sekali lagi ingin saya jelaskan bahawa Persyarikatan Malaysia adalah gelaran bagi sebuah negara yang Kerajaan dan swasta bekerjasama untuk menjayakan ekonomi negara, seolah-olah negara adalah sebuah syarikat. Kerajaan dan swasta menjadi rakan perkongsian," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerjasama ini amat logik kerana keuntungan pihak swasta akan menguntungkan Kerajaan dan negara melalui hasil yang diperolehi.

Sebaliknya, tegas bellau, kerugian oleh pihak swasta bermakna Kerajaan tidak akan mendapat hasil dan rakyat juga tidak akan merasai nikmat dari perbelanjaan hasil.

"Oleh itu pegawai-pegawai Kerajaan patutlah berusaha untuk sama-sama menjayakan semua perniagaan," ujarnya lagi.

Perdana Menteri menambah, kejayaan Persyarikatan Malaysia tidak boleh bergantung kepada rakan perkongsian sahaja.

Sementara itu ketika berucap di Kulai, petang tadi Datuk Seri Dr Mahathir mengkritik negara-negara maju kerana melancarkan kempen memburuk-burukkan imej Malaysia dengan menyebarkan dakyah menerusi majalah-majalah antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, mereka menjalankan kempen memperkecil-kecilkan rancangan pembangunan dan dasar Pandang ke Timur negara ini kerana iri hati melihat Malaysia maju.

Merasmikan sidang perwakilan Umno Bahagian Renggam di sini, bellau berkata, di masa negara-negara maju di Barat menghadapi kemerosotan ekonomi, Malaysia terus mencapai kemajuan yang luar biasa.

Ekonomi negara ini terus berkembang walaupun hasil utamanya seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit tidak dapat dijual dengan harga tinggi.

"Keadaan ini menimbulkan perasaan iri hati dari orang lain, negara-negara lain termasuk negara-negara maju yang sekarang tidak maju.

"Kerana tidak senang hati dengan kemajuan kita, negara-negara itu melalui majalah-majalah antarabangsa menyebarkan dakyah memburuk-burukkan imej negara ini," katanya.